

Padankan ayat di bawah dengan kata ganda berentak dengan betul.

1	Rambut abang _____ ketika bangun pagi.
2	Rumah nenek _____ apabila semua cucu-cucunya berkumpul.
3	Puan Rina menjual _____ di pasar tani dan pasar malam.
4	Pakaian pengemis itu _____ sambil mencari sisa-sisa makanan di tong sampah.
5	Saya berasa pening kerana melalui jalan raya yang _____.
6	Kaki Bali _____ oleh kesan cakaran kucing peliharaannya.
7	Encik Lokman mengawasi anak-anaknya yang sedang asyik _____ di pantai itu.
8	Sifat _____ yang ditunjukkan oleh tuan rumah menyenangkan hati para tetamu.
9	Badan saya terasa _____ setelah mandi air perigi yang sejuk itu.
10	Guru besar mengambil tindakan tatatertib _____ terhadap murid yang terlibat dengan kes buli itu

sayur-mayur
bengkok-bengkok
kusut-masai
mandar-mandir
serta-merta
segar-bugar
riuh-rendah
compang-camping
calar-balar
ramah-tamah